

# Beku ambil warga Bangladesh

u. m. m/s 8

Oleh HABIBAH OMAR

4-10-07

**PUTRAJAYA** 3 Okt. - Kabinet hari ini memutuskan untuk membekukan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh berkuat kuasa serta-merta berikutan pelbagai masalah dan kerena yang ditimbulkan oleh ejen yang terlibat dalam membawa masuk pekerja tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad (**gambar**) berkata, berikutan keputusan itu, Malaysia kini bergantung kepada 10 negara sumber lain untuk pengambilan pekerja asing termasuk dari Indonesia, Pakistan, Nepal, Vietnam dan India.

Setakat ini katanya, terdapat kira-kira 300,000 pekerja asing dari Bangladesh yang bekerja di Malaysia iaitu jumlah kedua tertinggi selepas Indonesia.

"Saya minta persetujuan Kabinet supaya kita tahan dan tak bawa masuk pekerja Bangladesh. Kita ada 10 lagi negara sumber, jadi tidak ada lagi pekerja dari Bangladesh kerana mereka yang terlibat dalam pengambilannya menimbulkan masalah yang teruk.

"Industri pengambilan pekerja dari negara itu juga melibatkan wang yang banyak yang mana ejen di Bangladesh itu memberikan ganjaran kepada ejen di negara ini untuk memujuk majikan supaya memohon lebih ramai pekerja dari negara itu.

"Setiap pekerja perlu membayar RM10,000, majikan tidak membayar satu sen pun, mereka mendapat pekerja dengan percuma kerana



ejen akan membayar levi melalui keuntungan dengan membawa lebih banyak pekerja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriaannya di sini, hari ini.

Tindakan membekukan pekerja asing dari Bangladesh bukan pertama kali dilaksanakan malah sebelum ini kerajaan pernah berbuat demikian pada 1999 dan kemudiannya membuka semula pengambilan pekerja itu beberapa tahun kemudian.

Pekerja Bangladesh pula, kata Radzi, suka datang ke negara ini kerana kerja lebih senang, cuaca baik, makanan yang sama dengan negara mereka dan wanita di negara ini pula dianggap cantik.

Ditanya bagaimana pandangan kerajaan Bangladesh mengenai ke-

putusan itu, Radzi berkata, kerajaan negara itu perlu menghormati keputusan Malaysia kerana jika perkara itu tidak dikawal, ia akan menyebabkan industri itu menjadi tidak sihat.

Mengenai pekerja Bangladesh yang masih belum diambil oleh majikan masing-masing di depot Imigrasi dan tempat letak kereta di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang dijadikan tempat tinggal sementara pekerja itu, beliau berkata:

"Kita bagi amaran kepada majikan kalau tidak ambil dalam tempoh 24 jam, kita akan tukarkan mereka dari tempat letak kereta ke depot, iaitu 20 kilometer dari tempat letak kereta berkenaan, kalau selepas tiga hari tak ambil kita akan hantar balik.

"Setakat ini terdapat kira-kira 600 warga Bangladesh masih ada di tempat letak kereta itu. Sejak tiga hingga empat hari ini, kita belanjakan kira-kira RM9,000 untuk mereka terbuka puasa dan sahur," katanya.

Oleh itu, kata beliau, pihaknya tidak mahu dianggap menyeksa pendatang berkenaan kerana mereka diberikan makan dan minum sementara menanti majikan datang mengambil mereka.

Ditanya mengenai syarikat yang menguruskan kemasukan pekerja itu, katanya, terdapat 239 syarikat penyumberan luar untuk pengambilan pekerja dari Bangladesh tetapi hanya 40 syarikat yang aktif, maka surat tunjuk sebab akan diberikan kepada syarikat yang tidak aktif itu.